KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	1/12/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	PERHILITAN, PDRM			

BH Rabu, 1 Disember 2021

21 Nasional

Tubuh WBC siasat, kekang penyeludupan hidupan liar

Kerjasama kepakaran PDRM, PERHILITAN banteras sindiket

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang menyiapkan kertas kerja bagi menubuhkan Biro Kawalan Jenayah Hidupan Liar (WBC) di negara ini.

WBC berkenaan bakal membabitkan 50 anggota polis dan pegawai bagi menyiasat serta mengekang aktiviti penyeludupan hidupan liar.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mazlan Lazim, berkata biro itu akan ditempatkan di bawah Jabatan Kesela-



Mazlan (dua dari kanan) bersama Abdul Latif (dua dari kiri) melihat senjata pada Majlis Penyerahan Kad Senjata Kastam di Batu Feringghi, semalam. (Foto Mikail Ong/BH)

matan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Bukit Aman dalam masa terdekat.

Beliau berkata, PDRM akan turut sama membantu Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) bagi menyiasat sindiket terbabit dalam penyeludupan dan perdagangan hidupan liar itu.

"Kita akan menggunakan kepakaran pihak polis bagi melumpuhkan kegiatan penyeludupan hidupan liar.

"Selain itu, kita akan menggunakan undang-undang sedia ada untuk bertindak terhadap sindiket ini seperti Unit Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLA).

"Setakat ini kertas kerja mengenainya sudah disiapkan dan akan beroperasi secepat mungkin kerana kita tidak mahu lebih banyak (haiwan) yang pupus," katanya pada sidang media di Batu Feringghi, semalam.

Mazlan ditemui selepas menghadiri mesyuarat Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) yang dihadiri Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir dan Ketua Pengarah PERHILITAN, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim.

Turut diadakan ialah Majlis Penyerahan Kad Senjata Kastam.